



MAKLUMBALAS AKHBAR SINAR HARIAN PADI ROSAK SEBELUM DITUAI

Dengan hormatnya saya merujuk kepada aduan di ruangan **nasional** akhbar **Sinar Harian (muka surat 52) bertarikh 11 Februari 2015: Padi rosak sebelum dituai.**

Untuk makluman, hasil siasatan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) mendapati petani yang tanaman padi yang ditenggelami air semasa banjir baru baru ini adalah kerana petani menanam padi terlewat daripada jadual tanaman padi yang telah diedarkan sebelum ini.

Kes ini adalah kes terpencil dan hanya sebahagian kecil sahaja yang terlibat dengan jumlah kerosakan tidak besar. Ada beberapa faktor seperti ketiadaan jentera pembajak, kelewatan menerima bekalan air ataupun kealpaan petani itu sendiri. Walaubagaimanapun, KADA memandang serius perkara ini dan berharap petani terlibat agar melaporkan kerosakan dan kerugian tanaman padi mereka kepada Pejabat KADA, Jajahan Bachok untuk tindakan selanjutnya.

KADA sentiasa menasihatkan petani supaya mematuhi jadual tanaman padi yang diedarkan secara meluas kerana jadual tanaman padi itu telah dirangka dengan mengambil kira pelbagai faktor terutamanya faktor cuaca dan diselaraskan dengan jadual tanaman padi peringkat kebangsaan. Kebiasaannya, jadual bekalan air dan tanaman padi akan diedarkan dalam tempoh 14 hari sebelum musim menanam bermula bagi memudahkan petani membuat persiapan sebelum memulakan penanaman padi.

Selain itu, bagi kes merosakkan pintu kawalan air di Bekelam, KADA sentiasa membuat pemantauan ke kawasan terlibat dan peka kepada keadaan ini. Pintu yang telah rosak akan dibaiki atau kunci diganti baru.

KADA juga mengambil inisiatif dengan melantik petani tertentu bagi membantu mengawasi pintu kawalan air agar tidak dirosakkan.

Nama pengadu : **Mohd Zailani**
Kawasan : **Bachok, Kelantan**

Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA)
No Tel : 09-7447088

Di sediakan oleh:
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani
03-88701376 / 03-88701378